

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30 November 2015



KUALA LUMPUR 29 Nov. - Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2015 memutuskan sembilan resolusi yang dipersetujui bersama negara-negara Islam termasuk melaksanakan demokrasi dan kebebasan untuk membangunkan tadbir urus yang baik sebagai satu keutamaan dalam transisi ke arah kestabilan serta pembangunan negara-negara Islam.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, selepas tiga hari berbincang dan mengemukakan pandangan masing-masing, kesemua negara Islam yang menyertai sidang kemuncak itu mendanai perspektif jelas bagi membimbng projek-projek pemulihan untuk membolehkan semua umat berusaha menyelesaikan masalah semasa yang dihadapi secara aman.

Katanya, resolusi tersebut diperoleh daripada pemerhatian dan cabaran-cabaran realiti yang dihadapi umat Islam pada waktu ini.

"Selepas dua hari perbincangan, oembentangan, penyelidikan dan bertukar-tukar pandangan selain melihat pengalaman kejayaan Malaysia dan Turki, para peserta menapat pandangan dan perspektif

yang lebih jelas bagi menyelesaikan masalah semasa.

"Sidang kemuncak ini menghimpunkan cendekiawan, cerdik pandai, ahli politik dan pemimpin-pemimpin Islam dari serata dunia," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan sidang kemuncak tersebut di sini hari ini.

Sembilan resolusi ini dicapai hasil daripada perbincangan selama tiga hari dalam sidang kemuncak yang bermula di Hotel Istana di sini, bermula Jumaat lalu.

Selain melaksanakan demokrasi dan kebebasan tadbir urus yang baik, resolusi-resolusi lain yang dipersetujui adalah:

- Mencapai kata sepakat dan kepuasan yang diperoleh daripada semua pihak;

- Menyebarkan idea demokrasi dalam rangka kerja Islam menerusi media seperti asas pendidikan, nilai-nilai budaya dan fiqhiyyah.

- Kesatuan dan kerjasama antara komuniti Islam diperlukan dalam pembinaan sistem politik;

- Memahami kepelbagaian etnik, mazhab, budaya dan hak masyarakat;

- Memberi keutamaan terhadap

penglibatan nasional yang berlandaskan masyarakat bagi membina perlembagaan serta negara berdaulat

- Mencegah daripada terlibat dalam pertempuran tidak relevan.

- Kepentingan membina asas nasional komprehensif bagi menentang ideologi-ideologi politik yang mencabar umat Islam;

- Berusaha dengan lebih ber-sungguh-sungguh dalam proses pemulihan, menahan diri daripada konflik dan meyakinkan sistem semasa bahawa demokrasi memberi kestabilan, keamcinan dan pembangunan.

- Kepentingan meyakinkan kerajaan mengenai kelebihan demokrasi termasuk kebebasan.

Tambah Dr. Mahathir, sidang kemuncak kali ini turut memperkenalkan satu anugerah tahunan yang akan dinamakan Anugerah Antarabangsa Mahathir Mohamad bagi mengiktiraf penyelidikan terbaik dalam melaksanakan tadbir urus negara-negara Islam.

Anugerah tersebut, katanya akan disampaikan pada sidang kemuncak yang dijalankan pada tahun depan.